

05 JUN 2003

Mahathir-Formula/I

ASIA BERSIAP HADAPI ZAMAN PEMBAHARUAN, KATA DR MAHATHIR

Oleh: Salbiah Said

TOKYO, 5 Jun (Bernama) -- Asia sudah bersiap sedia untuk mengharungi zaman pembaharuan. Ia sudah lama ditunggu-tunggukan tetapi keadaan masa kini sesuai bagi satu Orde Baru Asia.

Ini merupakan mesej yang disampaikan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan ringkas-ringkasnya dalam apa yang dilihat sebagai ucapan terakhirlah beliau di persidangan Nikkei sebelum beliau bersara daripada jawatan Perdana Menteri pada Oktober depan.

Inilah kata-kata pembukaan Dr Mahathir dalam ucapannya di persidangan kali ke sembilan itu yang bertemakan "Masa Depan Asia: Asal-Usul Orde Baru Asia" di sini, hari ini.

Selepas satu ucapan yang merangsangkan minda pada Selasa bertemakan Orde Baru Dunia, Dr Mahathir juga menggariskan formulanya bagi satu Orde Baru Asia.

Macam mana bentuk orde baru Asia ini? tanya Dr Mahathir.

"Haruskan ia menjadi seperti Eropah semasa tahun-tahun selepas Perang Dunia dengan seteru-seteru kini menjadi rakan karib, perlahan-lahan pada awalnya, tetapi lebih cepat dan dengan lebih meluas mengikut peredaran masa; sehingga membentuk persekutuan negara-negara Eropah?"

"Ataupun perlukah negara-negara Asia membentuk perikatan bersama negara-negara berkuasa di Barat dalam menghadapi musuh-musuh Asia? Atau haruskah mereka kekal berasingan, saling meragui antara satu sama lain, sedia bergaduh?"

"Ataupun bolehkah ada alternatif keempat atau kelima? Haruskah mereka membentuk perikatan serantau bagi bersaing antara satu sama lain ataupun yang lain sama sekali?"

Apa sahaja yang mungkin jadi pilihan, keputusan mesti dibuat oleh orang Asia dan bukan oleh sesiapa yang lain, kata Dr Mahathir.

Warga Asia, kata beliau lagi, mesti sedar yang jika mereka tidak menyumbangkan kepada satu Orde Baru Dunia, ia pastinya akan merugikan mereka dalam jangka panjang.

"Jika ada apa-apa yang boleh dicontohi oleh Asia daripada Eropah, ialah kesediaan untuk lupakan dan maafkan. Asia masih dihantui perbalahan dan berperangan masa dahulu, kekejaman dan penjajahan asing. Dan oleh kerana ini, mereka mendapati sangat sukar untuk bekerjasama demi kebaikan bersama," kata beliau.

Dalam persekitaran ini, kata Dr Mahathir, satu Asia yang bersatu sukar difikirkan, dan menambah kata pengalaman sebelum ini di Asia telah menunjukkan bahawa ia tidak boleh menerima kedominan ideologi seperti di Eropah.

"Kita tidak memerlukan pencabulan seperti yang rejim kewangan terdedah kepada. Pedagang matawang tidak menyumbangkan apa-apa bagi kesejahteraan kita. Tetapi kita warga Asia masih tidak berkata apa-apa....Jika ia adalah idea kita, maka keutamaan dan kepentingan kita akan diambil kira," katanya.

Dalam satu perkampungan global, Asia sebenarnya tidak boleh melalui pembaharuan secara bersendirian, kata Perdana Menteri.

"Kita sekadar diarahkan melakukan sesuatu dan sehinggakan dipaksa turut serta tanpa idea kita diambil pertimbangan.

"Adalah tidak wajar kita harus diheret bersama dalam memerangi terrorisme tanpa diberi peluang untuk menyampaikan kata dua dalam perancangan dan pelaksanaan strategi-strategi yang diterima," katanya.

Dalam mencadangkan Asia harus merumuskan formulanya sendiri dalam

mentadbir , Perdana Menteri berkata jika sesebuah negara tidak dapat mengamalkan demokrasi liberal maka ia harus dibenarkan untuk menjadi kurang liberal.

"Demonstrasi, mogok umum, tindakan melampau media dan menidakkan peranan kerajaan mungkin meningkatkan ideologi demokratik tetapi ia tidak dimestikan bagi proses demokrasi."

Asia, katanya, perlu merancang institusi kewangan dan ekonominya sendiri dalam usaha terus mengekalkan nilai-nilai dan keperluannya.

"Satu matawang tunggal bagi Asia mungkin mengambil masa yang lama untuk menjadi realiti. Tetapi matawang perdagangan yang dikaitkan dengan mataang perdagangan lain di dunia boleh diwujudkan. Matawang Asia masing-masing harus mempunyai kadar pertukarannya sendiri terhadap matawang perdagangan itu," kata Dr Mahathir.

Satu kumpulan perdagangan Asia juga harus dipertimbangkan, katanya, dan ia tidak harus tegar. Ia harus bertujuan membantu negara-negara miskin untuk memperolehi harga munasabah bagi eksport mereka, sementara membayar harga yang munasabah bagi import, kata beliau lagi.

-- BERNAMA

SS HK PR